

## Kajian tentang identiti orang Cina di Malaysia dari segi epistemologi: ulasan

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=132049&lokasi=lokal>

---

### Abstrak

Kajian identiti semakin penting kepada negara berbilang kaum, termasuk Malaysia, yang tengah menjalankan projek pembinaan bangsa. Di sini bagaimana orang Cina mengidentifikasikan diri mempunyai kesan besar ke atas isu perpaduan Malaysia kerana besar bilangan mereka dalam komposisi penduduk negara ini. Sehubungan itu, banyak kajian tentang identiti orang Cina telah dilakukan sejak pengajian tentang identiti menjadi orang aliran di dunia akademik sains sosial Malaysia sejak 1980-an. Tujuan tulisan ini adalah meninjau dan mengulas kajian lepas tentang identiti orang Cina di Malaysia dengan menggunakan konsep epistemologi dengan metodologinya membahagikan mereka kepada kategori mengikut sifat pengetahuan.